

Program cuba disebar kepada lebih ramai belia melalui masjid



BERBINCANG DENGAN PIHAK MASJID: Wakil daripada Perniagaan Belia Antarabangsa (YBI) memberi penerangan kepada pihak Masjid Haji Mohd Salleh tentang program Usahawan Muda Singapura (YBS). – Foto **JOHARI RAHMAT**

PROGRAM Usahawan Muda Singapura (YBS) yang ingin menggalakkan semangat keusahawan dalam kalangan belia masih belum dikenali ramai.

Oleh itu, untuk menyebarkan program yang dijalankan oleh Perniagaan Belia Antarabangsa atau Youth Business International (YBI) itu, mereka mengadakan kunjungan ke masjid.

Masjid Haji Mohd Salleh di Geylang Road telah dilawati oleh pengarah program YBS, Encik Raymond Huang; Ketua Pegawai Penilaian The Centennial Fund, Encik Abdulaziz Al-Mutairy dan juga Pengurus Perkhidmatan Perniagaan The Centennial Fund, Encik Mahmoud Abdul Atey.

“Kami ke sana untuk meminta kerjasama masjid tersebut agar mengenalkan program YBS kepada belia dan remaja Melayu yang ingin menjadi usahawan tetapi tidak tahu bagaimana hendak bermula,” kata Encik Huang.

“Kami tidak ada wang yang banyak untuk mengiklankan program kami di surat khabar. Oleh itu, kami perlukan tempat-tempat seperti masjid yang banyak mengendalikan program bersama beliau untuk menyebarkan mesej itu,” kata Encik Mahmoud Abdul Atey.

YBS juga percaya bahawa dengan bantuan untuk memajukan usahawan Melayu, masyarakat itu akan meraih manfaatnya.

“Rasulullah *saw* juga menyuruh umatnya bekerja keras dan mencari rezeki. YBS ini dapat membantu mereka yang tiada wang modal dan bimbingan tentang perniagaan untuk memulakan rancangan mereka,” tambah Encik Mahmoud.

Bantuan ini bukan sahaja daripada YBS. Jika usul saranan amat baik, bantuan akan diberikan oleh pihak lain juga.

“Jika perniagaan itu berpotensi tinggi, Spring Singapore akan memberi bantuan geran hingga \$50,000 untuk usahawan tersebut. Bukan itu sahaja, jika pihak di Arab Saudi berminat, ada kemungkinan mereka bekerjasama memasarkan projek tersebut ke Timur Tengah,” tambah Encik Huang.

Mengulas, Pegawai Eksekutif Pentadbiran Masjid Haji Mohd Salleh, Cik Normah Salim, berkata pihak masjid amat mengalu-alukan rancangan ini jika ia dapat membantu belia mencapai cita-cita mereka menjadi usahawan. Pihak masjid akan menyebarkan mesej itu kepada para belia, tambahnya.

“Kami ke sana untuk meminta kerjasama masjid tersebut agar mengenalkan program YBS kepada belia dan remaja Melayu yang ingin menjadi usahawan tetapi tidak tahu bagaimana hendak bermula.

– **Encik Raymond Huang, pengarah program YBS.**

English Translation

Youth Business Singapore Programme intends to encourage spirit of entrepreneurship among youths. It has yet to be widely-known.

Thus, a visit to a mosque was initiated to introduce the programme which is currently conducted by Youth Business International.

Mr Raymond Huang, YBS Executive Director, Mr Abdulaziz Al-Mutairy, The Centennial Fund Assessment Chief Executive, and also Mr Mahmoud Abdul Atey, The Centennial Fund Business Service Manager, paid a visit to Haji Mohd Salleh Mosque in Geylang Road.

“We are here to collaborate with the mosque to introduce the YBS programme to Malay youths who are interested to be entrepreneurs but don’t know how to start,” said Mr Huang.

“We don’t have the funds to advertise our programme in the papers. As such, places like mosques with programmes for youths are ideal to spread the message,” said Mr Mahmoud Abdul Atey.

YBS also believes the Malay society will indirectly gain benefits to help develop Malay entrepreneurs.

“The Prophet (p.b.u.h) also encouraged his followers to work hard for an earning. YBS helps provide funding needs and business guidance to start their business plans,” added Mr Mahmoud.

YBS is not the only one providing assistance. Those with good business proposals, help will be provided in other forms as well.

“If the business has high potential, Spring Singapore will fund a grant of up to \$50,000 to the entrepreneur. On top of that, if there are any interested parties from Saudi Arabia, good chances these entrepreneurs will get to market their projects in the Middle East,” Mr Huang added.

Ms Normah Salim, Administration Executive Officer of Haji Mohd Salleh Mosque commented that the mosque management highly welcome and support this programme. Furthermore it helps the youths to achieve their ambition to become entrepreneurs. The mosque will help to spread the message to the youths, she noted.